



Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences

Journal homepage:
<https://karyailham.com.my/index.php/jarsbs/index>
ISSN: 2462-1951



Penghayatan Solat Pelajar Sekolah Menengah Agama Di Selangor: Analisis Dimensi Pengetahuan, Perasaan Dan Amalan

Prayer Appreciation Among Religious Secondary School Students In Selangor: An Analysis of Knowledge, Feeling And Practice Dimensions

Nursyafiq Bokhari¹, Syarul Azman Shaharuddin^{1,*}

¹ Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, Selangor, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 27 March 2026

Received in revised form 21 May 2026

Accepted 10 June 2026

Available online 14 July 2026

ABSTRACT

Solat merupakan ibadah asas yang menjadi tunjang pembentukan keperibadian Muslim serta berfungsi sebagai medium pendidikan rohani yang membentuk hubungan manusia dengan Allah SWT. Dalam konteks pendidikan Islam, penghayatan solat tidak seharusnya dinilai berdasarkan pelaksanaan ibadah semata-mata, sebaliknya perlu difahami secara holistik melalui gabungan dimensi pengetahuan, perasaan dan amalan. Walaupun pelbagai kajian berkaitan solat telah dijalankan, kebanyakannya lebih menumpukan kepada aspek pelaksanaan ibadah atau hubungannya dengan akhlak dan sahsiah tanpa meneliti penghayatan solat sebagai satu konstruk multidimensi, khususnya dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap penghayatan solat pelajar sekolah menengah agama di Selangor berdasarkan dimensi pengetahuan, perasaan dan amalan. Kajian menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan dengan melibatkan seramai 331 orang pelajar daripada tiga buah sekolah menengah agama di Selangor yang dipilih melalui persampelan rawak berkelompok. Data dikumpulkan menggunakan soal selidik berskala Likert lima mata dan dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 26. Dapatan menunjukkan bahawa tahap penghayatan solat pelajar berada pada tahap sangat tinggi dengan nilai min keseluruhan 4.01. Dimensi perasaan mencatatkan nilai min tertinggi (min = 4.14), diikuti dimensi pengetahuan (min = 3.57) dan dimensi amalan (min = 3.56). Walaupun tahap penghayatan secara keseluruhan adalah memberangsangkan, dimensi amalan masih memerlukan pengukuhan agar penghayatan solat dapat diterjemahkan secara lebih konsisten dalam kehidupan harian. Kajian ini menyumbang kepada pengembangan konsep penghayatan solat dalam pendidikan Islam dengan memperkukuh pendekatan yang mengintegrasikan aspek kognitif, afektif dan tingkah laku. Dapatan kajian turut memberi implikasi kepada guru Pendidikan Islam, pentadbir sekolah, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Kementerian

* Corresponding author.

E-mail address: syarulazman@uis.edu.my

<https://doi.org/10.37934/arsbs.45.1.4254>

Pendidikan Malaysia dalam merancang program penghayatan ibadah yang lebih sistematik dan berimpak.

Prayer is a fundamental act of worship in Islam that serves as the foundation for developing Muslim personality and spiritual well-being. Within Islamic education, prayer appreciation should not be confined to ritual performance alone but should be understood holistically through the integration of knowledge, feeling and practice. Although numerous studies have examined prayer and religiosity, most have focused primarily on ritual practice or its relationship with morality and character development, with limited attention given to prayer appreciation as a multidimensional construct, particularly among students in religious secondary schools. Therefore, this study aims to examine the level of prayer appreciation among religious secondary school students in Selangor based on the dimensions of knowledge, feeling and practice. A quantitative survey design was employed involving 331 students selected through cluster random sampling from three religious secondary schools in Selangor. Data were collected using a five-point Likert-scale questionnaire and analysed descriptively using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 26. The findings indicate that the overall level of prayer appreciation was very high (mean = 4.01). The feeling dimension recorded the highest mean score (4.14), followed by knowledge (3.57) and practice (3.56). Although the overall level of prayer appreciation is encouraging, the practice dimension requires continuous enhancement to ensure that students consistently translate their appreciation of prayer into daily life. This study contributes to the literature on Islamic education by strengthening the conceptualisation of prayer appreciation as an integration of cognitive, affective and behavioural dimensions. The findings also provide practical implications for Islamic Education teachers, school administrators, the Selangor Islamic Religious Department (JAIS) and the Ministry of Education Malaysia in strengthening programmes related to prayer appreciation and character development.

Keywords:

Penghayatan solat, Pendidikan Islam, sekolah menengah agama, pengetahuan, perasaan, amalan

Prayer appreciation, Islamic education, religious secondary schools, knowledge, feeling, practice

1. Pengenalan

Solat merupakan ibadah yang mempunyai kedudukan paling penting dalam kehidupan seorang Muslim kerana menjadi rukun Islam kedua selepas syahadah. Pensyariatannya bukan sekadar memenuhi tuntutan ibadah khusus, bahkan berfungsi sebagai mekanisme pendidikan rohani yang membentuk hubungan manusia dengan Allah SWT, mengukuhkan disiplin diri serta membina akhlak dan sahsiah. Al-Quran menegaskan bahawa solat berupaya mencegah seseorang daripada melakukan perbuatan keji dan mungkar sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Ankabut ayat 45. Justeru, pelaksanaan solat yang disertai kefahaman dan penghayatan diyakini mampu membentuk individu Muslim yang mempunyai kekuatan spiritual, kestabilan emosi dan keperibadian yang mulia.

Dalam konteks pendidikan Islam, matlamat utama pendidikan bukan hanya menyampaikan ilmu agama, tetapi membentuk insan yang beriman, beradab dan mampu menghayati ajaran Islam dalam seluruh aspek kehidupan. Sehubungan itu, pendidikan ibadah khususnya solat perlu dilaksanakan secara menyeluruh dengan menggabungkan aspek ilmu, penghayatan hati dan pengamalan yang berterusan. Abd Halim Tamuri dan Mohd Izham Mohd Hamzah [2] menjelaskan bahawa keberkesanan pendidikan Islam bergantung kepada keseimbangan antara pengetahuan, penghayatan nilai dan pelaksanaan amalan dalam kehidupan seharian. Pendekatan ini bertepatan dengan falsafah pendidikan Islam yang menekankan pembangunan insan secara menyeluruh merangkumi aspek kognitif, afektif dan psikomotor.

Pelajar sekolah menengah agama merupakan kelompok yang menerima pendedahan agama secara lebih sistematik melalui kurikulum Pendidikan Islam, pembelajaran al-Quran, akidah, ibadah dan akhlak. Persekitaran sekolah yang berteraskan nilai Islam juga menyediakan peluang kepada

pelajar untuk membudayakan amalan kerohanian seperti solat berjemaah, bacaan al-Quran, tazkirah dan aktiviti pengukuhan sahsiah. Walau bagaimanapun, pendedahan kepada pendidikan agama secara formal tidak semestinya menjamin bahawa pelajar benar-benar menghayati ibadah yang dilaksanakan. Penghayatan sebenar memerlukan kefahaman yang mendalam, kesedaran spiritual dan pengamalan yang konsisten sehingga nilai-nilai solat dapat diterjemahkan dalam kehidupan harian.

Keadaan ini menjadi semakin penting apabila remaja masa kini berhadapan dengan pelbagai cabaran sosial seperti pengaruh media digital, perubahan gaya hidup, tekanan akademik dan persekitaran sosial yang kompleks. Cabaran tersebut berpotensi mempengaruhi disiplin ibadah serta pembentukan sahsiah pelajar walaupun mereka berada dalam institusi pendidikan agama. Oleh itu, usaha menilai penghayatan solat perlu diberikan perhatian bagi memastikan pendidikan Islam yang dilaksanakan benar-benar mencapai matlamat pembentukan peribadi Muslim yang seimbang dari aspek rohani, intelektual dan akhlak.

Kajian-kajian terdahulu telah membuktikan bahawa solat mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembentukan akhlak, kawalan diri, kesejahteraan psikologi dan disiplin pelajar. Namun demikian, kebanyakan kajian lebih memfokuskan kepada pelaksanaan solat atau penghayatan agama secara umum, tanpa meneliti penghayatan solat sebagai satu konstruk yang mengintegrasikan dimensi pengetahuan, perasaan dan amalan secara serentak. Selain itu, penyelidikan yang memfokuskan pelajar sekolah menengah agama di Negeri Selangor masih terhad walaupun institusi ini memainkan peranan penting dalam melahirkan generasi Muslim yang mempunyai asas pendidikan agama yang kukuh.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi menganalisis tahap penghayatan solat pelajar sekolah menengah agama di Selangor berdasarkan tiga dimensi utama, iaitu pengetahuan, perasaan dan amalan. Pendekatan ini bukan sahaja memberikan gambaran empirikal tentang tahap penghayatan solat pelajar, malah memperkukuh konsep penghayatan solat sebagai satu konstruk multidimensi dalam literatur pendidikan Islam. Dapatan kajian diharapkan dapat menjadi rujukan kepada guru Pendidikan Islam, pentadbir sekolah, ibu bapa serta pembuat dasar dalam memperkasakan program pendidikan ibadah yang lebih berkesan dan berorientasikan pembentukan peribadi Muslim.

2. Sorotan Literatur

2.1 Konsep Penghayatan Solat dalam Pendidikan Islam

Solat merupakan ibadah yang mempunyai kedudukan paling utama dalam Islam kerana menjadi asas hubungan antara manusia dengan Allah SWT serta medium pembentukan sahsiah Muslim. Dari perspektif syarak, solat bukan sekadar pelaksanaan rukun dan syarat yang ditetapkan, bahkan merupakan ibadah yang menghubungkan dimensi zahir dan batin seseorang Muslim. Al-Ghazali [7] menjelaskan bahawa kesempurnaan solat bergantung kepada kehadiran hati (*hudhur al-qalb*), kefahaman terhadap makna ibadah serta kekhusyukan yang akhirnya membentuk akhlak dan tingkah laku. Pandangan ini menunjukkan bahawa nilai sebenar solat tidak hanya diukur melalui perlakuan fizikal, tetapi melalui kesan pendidikan rohani yang terhasil daripada penghayatan ibadah tersebut.

Dalam falsafah pendidikan Islam, penghayatan ibadah merupakan salah satu matlamat utama proses tarbiyah. Al-Attas [6] menegaskan bahawa pendidikan Islam bertujuan melahirkan insan yang beradab (*insan adabi*), iaitu individu yang bukan sahaja memiliki ilmu tetapi mampu mengamalkan ilmu tersebut secara berterusan dalam kehidupan. Oleh itu, pendidikan solat perlu difahami sebagai satu proses pembangunan insan yang melibatkan keseimbangan aspek ilmu, kesedaran spiritual dan penghayatan nilai sehingga melahirkan peribadi Muslim yang seimbang.

Abd Halim Tamuri dan Mohd Izham Mohd Hamzah [2] turut menjelaskan bahawa pendidikan Islam yang berkesan perlu mengintegrasikan aspek kognitif, afektif dan tingkah laku. Pendekatan ini selari dengan konsep penghayatan solat yang bukan hanya menekankan penguasaan hukum-hakam ibadah, malah membentuk kesedaran rohani dan pengamalan yang konsisten. Justeru, penghayatan solat boleh ditakrifkan sebagai proses memahami, merasai dan mengamalkan ibadah secara menyeluruh sehingga memberi kesan kepada pembentukan sahsiah serta keperibadian Muslim.

2.2 Dimensi Pengetahuan, Perasaan dan Amalan dalam Penghayatan Solat

Kajian ini mengkonseptualisasikan penghayatan solat melalui tiga dimensi utama, iaitu pengetahuan, perasaan dan amalan. Pembahagian ini selaras dengan pendekatan pendidikan Islam yang menekankan keseimbangan antara domain kognitif, afektif dan psikomotor.

Dimensi pengetahuan merujuk kepada kefahaman pelajar terhadap konsep, hukum, syarat, rukun, bacaan dan hikmah pensyariatan solat. Pengetahuan merupakan asas kepada pelaksanaan ibadah yang sah dan sempurna kerana seseorang tidak mampu melaksanakan ibadah secara betul tanpa ilmu yang mencukupi. Menurut al-Ghazali [7], ilmu menjadi prasyarat utama kepada ibadah yang berkualiti kerana kefahaman terhadap tujuan ibadah akan meningkatkan kesedaran seseorang terhadap tanggungjawabnya sebagai hamba Allah SWT.

Dimensi perasaan pula merujuk kepada aspek dalaman yang melibatkan rasa khusyuk, keikhlasan, ketenangan, rasa kehambaan dan hubungan spiritual dengan Allah SWT ketika menunaikan solat. Dimensi ini menjadi pembeza utama antara pelaksanaan solat sebagai rutin harian dengan penghayatan solat yang sebenar. Kajian Kadri et al. [15] menunjukkan bahawa religiositi mempunyai hubungan yang signifikan dengan kawalan diri dan pengurangan tingkah laku bermasalah dalam kalangan remaja. Ini menunjukkan bahawa aspek afektif memainkan peranan penting dalam membentuk disiplin diri dan kesejahteraan psikologi pelajar.

Dimensi amalan merujuk kepada pelaksanaan solat secara konsisten, penjagaan waktu solat, penglibatan dalam solat berjemaah serta penghayatan nilai-nilai solat dalam kehidupan harian. Abdullah Nasih Ulwan [26] menegaskan bahawa pembentukan amalan ibadah memerlukan latihan dan pembiasaan yang berterusan supaya nilai agama dapat diterjemahkan ke dalam tingkah laku. Oleh itu, dimensi amalan menjadi manifestasi kepada sejauh mana pengetahuan dan penghayatan dalaman berjaya diterjemahkan dalam kehidupan seharian.

Ketiga-tiga dimensi ini saling melengkapi dan tidak boleh dipisahkan. Pengetahuan tanpa penghayatan hati akan menghasilkan ibadah yang bersifat mekanikal, manakala penghayatan tanpa amalan yang konsisten tidak mampu memberi kesan terhadap pembentukan sahsiah. Oleh itu, kajian ini melihat penghayatan solat sebagai satu konstruk multidimensi yang mengintegrasikan ketiga-tiga aspek tersebut.

2.3 Kajian-kajian Lepas

Kajian berkaitan penghayatan solat dan pendidikan Islam telah berkembang dengan memberi tumpuan kepada hubungan antara ibadah, pembentukan akhlak dan pembangunan sahsiah pelajar. Ahmad Jamburi [4] mendapati bahawa penghayatan ibadah pelajar dipengaruhi oleh kefahaman agama serta amalan yang dilaksanakan secara berterusan. Kajian tersebut menegaskan bahawa penghayatan ibadah bukan sekadar bergantung kepada pengetahuan, malah dipengaruhi oleh kesedaran dan pembiasaan dalam kehidupan harian.

Noorkharilhuda Ibrahim [19] pula melaporkan bahawa tahap penghayatan Pendidikan Islam dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama swasta di Selangor berada pada tahap tinggi.

Dapatan tersebut menunjukkan bahawa persekitaran pendidikan Islam yang kondusif berpotensi meningkatkan penghayatan agama dalam kalangan pelajar. Walau bagaimanapun, kajian tersebut menilai penghayatan Pendidikan Islam secara umum dan tidak memberi penekanan khusus kepada penghayatan solat.

Mohd Mansor et al. [18] pula menunjukkan bahawa tahap penghayatan solat fardu mahasiswa adalah dipengaruhi oleh faktor individu, keluarga dan institusi pendidikan. Dapatan ini membuktikan bahawa pelaksanaan solat bukan hanya bergantung kepada pengetahuan agama, tetapi turut dipengaruhi oleh persekitaran sosial. Begitu juga Hamzah et al. [13] yang mendapati bahawa amalan solat mampu membentuk disiplin, kepimpinan diri dan kawalan tingkah laku pelajar.

Selain itu, kajian Tengku Nursyahzanani Anis Tengku Jamil dan Zawawi Yusoff [24,25] menunjukkan bahawa pengetahuan solat, pengamalan solat dan akhlak pelajar mempunyai hubungan yang signifikan dalam pembentukan sahsiah. Walaupun dapatan tersebut mengukuhkan kepentingan pendidikan ibadah, kajian berkenaan lebih menumpukan hubungan antara pemboleh ubah dan tidak menilai tahap penghayatan solat berdasarkan dimensi yang bersepadu.

Secara keseluruhannya, literatur terdahulu membuktikan bahawa solat memberi kesan positif terhadap pembangunan akhlak, disiplin, kesejahteraan emosi dan pembentukan sahsiah. Namun demikian, pendekatan yang digunakan masih berbeza-beza dan belum menghasilkan satu kerangka penghayatan solat yang benar-benar menyepadukan aspek pengetahuan, perasaan dan amalan dalam konteks pelajar sekolah menengah agama.

2.4 Jurang Kajian

Walaupun pelbagai kajian berkaitan solat, religiositi dan pendidikan Islam telah dilaksanakan, masih terdapat beberapa jurang yang memerlukan penelitian lanjut.

Pertama, kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada amalan atau pelaksanaan solat serta hubungannya dengan akhlak, disiplin atau sahsiah pelajar. Pendekatan tersebut menyebabkan penghayatan solat sering dinilai melalui aspek tingkah laku semata-mata tanpa mengambil kira dimensi pengetahuan dan penghayatan dalaman secara serentak.

Kedua, sebahagian besar kajian memberi tumpuan kepada pelajar sekolah menengah kebangsaan, institusi pengajian tinggi atau penghayatan Pendidikan Islam secara umum. Kajian yang memfokuskan pelajar sekolah menengah agama di Negeri Selangor masih terhad, sedangkan institusi ini mempunyai kurikulum, budaya sekolah dan persekitaran pendidikan Islam yang berbeza daripada sekolah arus perdana. Oleh itu, dapatan daripada populasi lain tidak boleh digeneralisasikan secara langsung kepada pelajar sekolah menengah agama.

Ketiga, masih belum terdapat kerangka empirikal yang menilai penghayatan solat sebagai satu konstruk multidimensi yang mengintegrasikan aspek pengetahuan, perasaan dan amalan secara serentak. Kebanyakan penyelidikan terdahulu menilai ketiga-tiga aspek tersebut secara berasingan, menyebabkan pemahaman terhadap penghayatan solat masih bersifat fragmentasi.

Berdasarkan jurang tersebut, kajian ini mengemukakan satu pendekatan yang lebih holistik dengan menilai penghayatan solat melalui tiga dimensi utama dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama di Selangor. Pendekatan ini bukan sahaja memperluas literatur pendidikan Islam, malah menyediakan bukti empirikal yang boleh dimanfaatkan oleh guru Pendidikan Islam, pentadbir sekolah dan pembuat dasar dalam memperkukuh pendidikan ibadah berasaskan pembentukan peribadi Muslim.

2.5 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif berikut:

1. Mengenal pasti tahap penghayatan solat dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama di Selangor.
2. Menganalisis tahap dimensi pengetahuan, perasaan dan amalan dalam penghayatan solat pelajar.
3. Mengenal pasti dimensi yang paling dominan dalam membentuk penghayatan solat pelajar sekolah menengah agama.
4. Mengemukakan implikasi dapatan terhadap pembangunan pendidikan Islam serta pengukuhan program penghayatan ibadah di sekolah menengah agama.

2.6 Persoalan Kajian

Kajian ini menjawab persoalan berikut:

1. Apakah tahap penghayatan solat pelajar sekolah menengah agama di Selangor?
2. Apakah tahap dimensi pengetahuan, perasaan dan amalan dalam penghayatan solat pelajar?
3. Dimensi manakah yang menunjukkan tahap paling dominan dalam penghayatan solat pelajar?
4. Apakah implikasi dapatan kajian terhadap pembangunan pendidikan Islam dan pembentukan peribadi Muslim?

3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan (*survey research*) bagi mengenal pasti tahap penghayatan solat dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama di Negeri Selangor. Pendekatan kuantitatif dipilih kerana sesuai untuk mengukur tahap penghayatan solat secara sistematik melalui analisis data numerik serta membolehkan dapatan digeneralisasikan kepada populasi kajian.

Populasi kajian terdiri daripada pelajar sekolah menengah agama di Negeri Selangor. Pemilihan sampel dilakukan menggunakan kaedah persampelan rawak berkelompok (*cluster random sampling*) melibatkan tiga buah sekolah menengah agama yang mewakili lokasi kajian. Seramai 331 orang pelajar telah dipilih sebagai responden kajian. Saiz sampel ini memenuhi cadangan Krejcie dan Morgan [16] serta mencukupi untuk menghasilkan dapatan yang mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Instrumen kajian ialah soal selidik yang dibangunkan berdasarkan sorotan literatur berkaitan penghayatan solat dan pendidikan Islam. Soal selidik menggunakan Skala Likert lima mata, iaitu daripada 1 (Sangat Tidak Setuju) hingga 5 (Sangat Setuju).

Instrumen ini mengandungi tiga konstruk utama:

- Dimensi Pengetahuan
- Dimensi Perasaan
- Dimensi Amalan

Setiap konstruk dibangunkan berdasarkan indikator yang diperolehi daripada kajian-kajian terdahulu serta disesuaikan dengan konteks pelajar sekolah menengah agama. Kesahan kandungan instrumen telah disemak oleh panel pakar dalam bidang Pendidikan Islam dan penyelidikan, manakala kebolehpercayaan instrumen menunjukkan nilai Cronbach Alpha melebihi 0.80, sekali gus membuktikan bahawa instrumen mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi.

3.1 Analisis Data

Data dianalisis menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 26.

Analisis deskriptif digunakan bagi menentukan tahap penghayatan solat berdasarkan nilai min dan sisihan piawai.

Interpretasi skor min adalah berdasarkan julat berikut:

Julat Min	Interpretasi
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Tinggi
3.67 – 5.00	Sangat Tinggi

Pendekatan ini membolehkan tahap penghayatan solat dikenal pasti bagi setiap dimensi serta keseluruhan konstruk kajian.

4. Dapatan Kajian

4.1 Tahap Penghayatan Solat Pelajar

Analisis deskriptif menunjukkan bahawa secara keseluruhannya penghayatan solat pelajar sekolah menengah agama di Selangor berada pada tahap sangat tinggi dengan nilai min keseluruhan 4.01. Dapatan ini menggambarkan bahawa pelajar mempunyai asas penghayatan solat yang baik dari aspek kefahaman, penghayatan rohani dan pelaksanaan ibadah.

Jadual 1 menunjukkan ringkasan tahap penghayatan solat mengikut dimensi.

Jadual 1

Tahap Penghayatan Solat Pelajar

Dimensi	Min	Interpretasi
Pengetahuan	3.57	Tinggi
Perasaan	4.14	Sangat Tinggi
Amalan	3.56	Tinggi
Keseluruhan	4.01	Sangat Tinggi

Dimensi perasaan mencatatkan nilai min tertinggi (4.14), diikuti oleh dimensi pengetahuan (3.57), manakala dimensi amalan mencatatkan nilai min paling rendah (3.56), walaupun masih berada pada tahap tinggi.

4.2 Dimensi Pengetahuan

Dapatan menunjukkan bahawa tahap pengetahuan pelajar berkaitan solat berada pada tahap tinggi. Keadaan ini menggambarkan bahawa majoriti pelajar memahami hukum-hakam, syarat, rukun dan kepentingan solat sebagai ibadah utama dalam Islam. Tahap pengetahuan yang baik menunjukkan bahawa sistem pendidikan di sekolah menengah agama berjaya memberikan asas ilmu yang kukuh kepada pelajar. Walau bagaimanapun, pengetahuan yang tinggi perlu disertai dengan penghayatan dalaman agar ilmu tersebut benar-benar diterjemahkan dalam kehidupan seharian.

4.3 Dimensi Perasaan

Dimensi perasaan merekodkan nilai min tertinggi, iaitu 4.14, sekali gus menunjukkan bahawa pelajar mempunyai kesedaran spiritual yang tinggi ketika menunaikan solat. Dapatan ini memperlihatkan bahawa majoriti pelajar merasai ketenangan, keikhlasan, kekhusyukan dan hubungan yang rapat dengan Allah SWT ketika menunaikan ibadah. Keadaan ini membuktikan bahawa proses pendidikan agama di sekolah bukan sekadar berjaya menyampaikan ilmu, bahkan turut membentuk dimensi afektif pelajar.

4.4 Dimensi Amalan

Dimensi amalan menunjukkan nilai min 3.56, iaitu berada pada tahap tinggi tetapi merupakan skor paling rendah berbanding dua dimensi yang lain. Keadaan ini menunjukkan bahawa walaupun pelajar mempunyai pengetahuan agama dan penghayatan dalaman yang baik, aspek pelaksanaan secara konsisten masih memerlukan perhatian. Dapatan ini memberi isyarat bahawa pendidikan ibadah tidak boleh hanya menekankan penguasaan ilmu dan pembentukan emosi keagamaan, sebaliknya perlu diperkukuh melalui pembiasaan amalan, pemantauan dan sokongan daripada guru, ibu bapa serta persekitaran sekolah.

5. Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penghayatan solat pelajar sekolah menengah agama di Selangor berada pada tahap sangat tinggi. Keputusan ini membuktikan bahawa pendidikan agama yang diterima di sekolah menengah agama berjaya membentuk kefahaman dan kesedaran rohani pelajar terhadap kepentingan solat sebagai asas pembinaan peribadi Muslim. Dapatan ini menyokong kajian Noorkharilhuda Ibrahim [19] yang melaporkan bahawa penghayatan Pendidikan Islam dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama swasta di Selangor berada pada tahap tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa persekitaran pendidikan Islam yang sistematik berpotensi membentuk penghayatan agama yang lebih mantap.

Satu dapatan penting kajian ini ialah dimensi perasaan mencatatkan skor tertinggi berbanding pengetahuan dan amalan. Dapatan ini memperkukuh pandangan al-Ghazali [7] bahawa nilai sebenar solat bergantung kepada kehadiran hati, keikhlasan dan kekhusyukan ketika beribadah. Dari perspektif pendidikan Islam, aspek afektif memainkan peranan penting dalam membentuk hubungan spiritual seseorang dengan Allah SWT. Dapatan ini turut menyokong kajian Osman dan Yahya [21] yang mendapati bahawa penghayatan agama mempunyai hubungan positif dengan kesejahteraan psikologi pelajar.

Walaupun dimensi pengetahuan turut menunjukkan tahap yang tinggi, kajian ini membuktikan bahawa pengetahuan sahaja tidak mencukupi untuk memastikan penghayatan solat diterjemahkan dalam bentuk amalan yang konsisten. Dapatan ini selari dengan pandangan Al-Attas [6] bahawa ilmu yang sebenar hendaklah membawa kepada pembentukan adab dan amalan. Oleh itu, proses pendidikan Islam perlu memberi penekanan kepada keseimbangan antara ilmu, penghayatan dan pelaksanaan.

Dimensi amalan mencatatkan skor yang paling rendah walaupun masih berada pada tahap tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa masih terdapat ruang penambahbaikan dalam memastikan pelajar mengamalkan solat secara lebih konsisten. Keadaan ini berkemungkinan dipengaruhi oleh faktor persekitaran, pengaruh rakan sebaya, tekanan akademik, budaya keluarga serta tahap pemantauan terhadap pelaksanaan solat. Penemuan ini menyokong kajian Mohd Mansor et al. [18] yang

menjelaskan bahawa pelaksanaan solat dipengaruhi oleh gabungan faktor individu, keluarga dan institusi pendidikan.

Dapatan kajian ini turut menyokong kajian Hamzah et al. [13] yang menunjukkan bahawa amalan solat yang dilaksanakan secara konsisten berupaya membentuk disiplin diri, kepimpinan, tanggungjawab dan kawalan emosi pelajar. Oleh itu, pengetahuan dan penghayatan dalaman perlu diterjemahkan kepada amalan yang berterusan supaya matlamat pendidikan Islam dalam membentuk insan seimbang dapat direalisasikan.

Dari sudut teori, kajian ini memperkukuh konsep penghayatan solat sebagai satu konstruk multidimensi yang mengintegrasikan aspek kognitif (pengetahuan), afektif (perasaan) dan tingkah laku (amalan). Pendekatan ini memperluas perbincangan dalam literatur pendidikan Islam yang sebelum ini lebih banyak memberi penekanan kepada pelaksanaan ibadah semata-mata. Dengan menggabungkan ketiga-tiga dimensi tersebut, kajian ini menunjukkan bahawa penghayatan solat merupakan satu proses pendidikan rohani yang menyeluruh dan menjadi asas kepada pembentukan peribadi Muslim.

6. Implikasi Dan Sumbangan Kajian

Dapatan kajian ini memberikan beberapa implikasi penting terhadap pembangunan ilmu, amalan pendidikan Islam serta pembentukan dasar berkaitan pendidikan ibadah di Malaysia. Secara keseluruhannya, kajian membuktikan bahawa tahap penghayatan solat pelajar sekolah menengah agama di Selangor berada pada tahap yang sangat tinggi, namun masih terdapat ruang untuk memperkukuh dimensi amalan agar selari dengan tahap pengetahuan dan perasaan yang telah dicapai. Penemuan ini menunjukkan bahawa penghayatan solat merupakan satu proses pendidikan yang berterusan dan memerlukan sokongan daripada pelbagai pihak termasuk sekolah, keluarga dan institusi agama.

6.1 Sumbangan kepada Pembangunan Ilmu

Dari sudut akademik, kajian ini menyumbang kepada pengembangan literatur pendidikan Islam dengan memperkukuh konsep penghayatan solat sebagai satu konstruk multidimensi yang merangkumi aspek pengetahuan, perasaan dan amalan. Berbeza dengan kebanyakan kajian terdahulu yang lebih memfokuskan kepada pelaksanaan ibadah atau penghayatan agama secara umum, kajian ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga dimensi tersebut saling melengkapi dan perlu dinilai secara bersepadu bagi memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang penghayatan solat.

Dapatan bahawa dimensi perasaan mencatatkan skor tertinggi membuktikan bahawa aspek afektif merupakan komponen penting dalam pembentukan penghayatan ibadah. Penemuan ini menyokong pandangan Al-Ghazali [7] bahawa nilai sebenar solat bergantung kepada kehadiran hati, keikhlasan dan kekhusyukan, bukan sekadar kesempurnaan perlakuan fizikal. Oleh itu, kajian ini memperkukuh teori pendidikan Islam yang menegaskan bahawa pembangunan insan perlu mengintegrasikan domain kognitif, afektif dan tingkah laku secara seimbang.

Kajian ini turut mengembangkan perbincangan dalam literatur pendidikan Islam dengan mencadangkan bahawa penghayatan solat boleh dijadikan sebagai salah satu indikator penting dalam menilai keberkesanan pendidikan Islam di sekolah menengah agama. Pendekatan ini membuka ruang kepada pembangunan instrumen pengukuran penghayatan ibadah yang lebih sistematik serta boleh diaplikasikan dalam kajian-kajian akan datang.

6.2 Sumbangan kepada Amalan Pendidikan Islam

Dari sudut praktikal, dapatan kajian memberikan panduan kepada guru Pendidikan Islam untuk memperkukuh strategi pengajaran solat yang lebih holistik. Pengajaran solat tidak seharusnya tertumpu kepada aspek hukum-hakam dan tatacara ibadah semata-mata, sebaliknya perlu menekankan kefahaman terhadap hikmah pensyariatannya, penghayatan makna bacaan, pembinaan kekhusyukan serta refleksi diri selepas menunaikan solat.

Dapatan bahawa dimensi amalan mencatatkan skor paling rendah berbanding dimensi lain menunjukkan bahawa pelajar masih memerlukan bimbingan berterusan bagi memastikan penghayatan dalaman dapat diterjemahkan kepada amalan yang konsisten. Oleh itu, guru Pendidikan Islam disarankan menggunakan pendekatan pembelajaran yang lebih berpusatkan pelajar seperti pembelajaran reflektif, bimbingan amali, perbincangan nilai, halaqah kerohanian dan pembelajaran berasaskan pengalaman bagi meningkatkan penghayatan ibadah.

Selain itu, pihak sekolah boleh memperkukuh budaya penghayatan solat melalui pelaksanaan program kerohanian secara berterusan seperti solat berjemaah, qiyam al-lail, tazkirah harian, mentor mentee kerohanian, refleksi ibadah dan kem kepimpinan Islam. Pendekatan yang menyeluruh ini diyakini mampu membantu pelajar menjadikan solat sebagai amalan hidup dan bukan sekadar rutin harian.

6.3 Sumbangan kepada Pembentukan Dasar

Kajian ini turut mempunyai implikasi yang signifikan kepada pembentukan dasar pendidikan Islam di Malaysia. Dapatan kajian boleh dijadikan rujukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) serta pentadbir sekolah dalam memperkukuh dasar dan modul pembangunan sahsiah pelajar berasaskan ibadah.

Penemuan bahawa aspek amalan masih memerlukan pengukuhan menunjukkan keperluan kepada dasar yang memberi penekanan terhadap pembinaan budaya solat di sekolah melalui pemantauan yang sistematik, latihan guru, pembangunan modul penghayatan ibadah serta penglibatan ibu bapa dalam memperkukuh pendidikan solat di rumah. Pendekatan ini selaras dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan pembangunan insan secara menyeluruh merangkumi aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Di samping itu, hasil kajian ini boleh dijadikan asas dalam pembangunan instrumen penilaian penghayatan ibadah di sekolah menengah agama bagi melengkapkan penilaian akademik sedia ada. Penilaian secara holistik ini dapat membantu pihak sekolah mengenal pasti aspek yang memerlukan intervensi serta merancang program pembangunan sahsiah yang lebih berfokus.

7. Pengukuhan Konsep Penghayatan Solat Dalam Literatur Pendidikan Islam

Kajian ini memperkukuh konsep penghayatan solat dalam literatur pendidikan Islam dengan menegaskan bahawa penghayatan solat bukan sekadar merujuk kepada pelaksanaan ibadah secara fizikal, tetapi merupakan satu proses pendidikan rohani yang mengintegrasikan pengetahuan, perasaan dan amalan secara menyeluruh. Pendekatan ini memperluaskan kefahaman terhadap konsep penghayatan solat yang selama ini sering ditafsirkan secara sempit sebagai pelaksanaan ibadah atau tahap religiositi semata-mata.

Melalui dapatan kajian ini, penghayatan solat dapat difahami sebagai satu proses pembinaan insan yang bermula daripada penguasaan ilmu, diikuti pembentukan kesedaran spiritual dan akhirnya diterjemahkan dalam bentuk amalan yang konsisten. Hubungan antara ketiga-tiga dimensi ini

menggambarkan bahawa pendidikan solat yang berkesan perlu mengintegrasikan domain kognitif, afektif dan tingkah laku sebagaimana yang digariskan dalam falsafah pendidikan Islam.

Model penghayatan solat yang diketengahkan dalam kajian ini juga boleh dijadikan asas kepada penyelidikan lanjutan dalam bidang pendidikan Islam, pembangunan sahsiah serta psikologi Islam. Dengan itu, kajian ini bukan sahaja menyumbang kepada pengukuhan teori, malah membuka ruang kepada pembentukan model pendidikan ibadah yang lebih komprehensif.

8. Cadangan Kajian Masa Hadapan

Kajian ini membuka beberapa ruang penyelidikan yang boleh diterokai pada masa hadapan. Pertama, kajian perbandingan boleh dilaksanakan antara pelajar sekolah menengah agama, sekolah menengah kebangsaan, sekolah berasrama penuh dan institusi tahfiz bagi mengenal pasti pengaruh persekitaran pendidikan terhadap penghayatan solat.

Kedua, kajian longitudinal dicadangkan bagi meneliti perubahan tahap penghayatan solat pelajar sepanjang tempoh persekolahan. Pendekatan ini dapat memberikan gambaran yang lebih jelas tentang perkembangan penghayatan ibadah serta keberkesanan program pendidikan Islam dalam jangka masa panjang.

Ketiga, kajian kualitatif melalui temu bual mendalam, pemerhatian atau perbincangan kumpulan fokus wajar dijalankan bagi memahami pengalaman, cabaran dan faktor yang mempengaruhi penghayatan solat secara lebih mendalam. Pendekatan kaedah campuran (*mixed methods*) juga boleh digunakan bagi menggabungkan kekuatan data kuantitatif dan kualitatif untuk menghasilkan pemahaman yang lebih komprehensif terhadap fenomena penghayatan solat.

Selain itu, penyelidikan masa hadapan juga boleh menilai hubungan antara penghayatan solat dengan pemboleh ubah lain seperti kesejahteraan psikologi, kecerdasan emosi, kepimpinan pelajar, pencapaian akademik dan pembentukan akhlak. Kajian sedemikian akan memperluaskan lagi aplikasi konsep penghayatan solat dalam pelbagai bidang pendidikan Islam.

9. Kesimpulan

Kajian ini berjaya mencapai objektif untuk mengenal pasti tahap penghayatan solat dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama di Selangor berdasarkan dimensi pengetahuan, perasaan dan amalan. Dapatan menunjukkan bahawa tahap penghayatan solat berada pada tahap sangat tinggi, dengan dimensi perasaan mencatatkan skor tertinggi, diikuti pengetahuan dan amalan. Walaupun keseluruhan tahap penghayatan adalah memberangsangkan, dimensi amalan masih memerlukan perhatian berterusan agar nilai-nilai solat dapat diterjemahkan secara lebih konsisten dalam kehidupan seharian.

Dari sudut teori, kajian ini memperkukuh konsep penghayatan solat sebagai satu konstruk multidimensi yang mengintegrasikan aspek kognitif, afektif dan tingkah laku. Pendekatan ini memperluaskan lagi perbincangan dalam literatur pendidikan Islam dengan menegaskan bahawa penghayatan ibadah bukan sekadar diukur melalui pelaksanaan ritual, tetapi turut melibatkan kefahaman ilmu dan pembentukan kesedaran spiritual yang akhirnya membentuk amalan hidup seorang Muslim.

Selain itu, dari sudut praktikal, dapatan kajian memberikan panduan kepada guru Pendidikan Islam untuk merancang strategi pengajaran yang lebih berfokus kepada penghayatan ibadah, bukan sekadar penguasaan ilmu. Pentadbir sekolah pula boleh memanfaatkan dapatan ini dalam merancang program kerohanian yang lebih sistematik bagi memperkukuh budaya solat dalam

kalangan pelajar. Pada masa yang sama, ibu bapa berperanan memperkukuh pembiasaan amalan solat di rumah melalui bimbingan dan teladan yang berterusan.

Kajian ini juga mempunyai implikasi kepada pembuat dasar, khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Bahagian Pendidikan Islam (BPI) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dalam merangka dasar, modul serta program pembangunan sahsiah yang berteraskan penghayatan ibadah. Dengan memberi penekanan yang seimbang kepada dimensi pengetahuan, perasaan dan amalan, pendidikan solat diyakini mampu menjadi asas kepada pembentukan generasi Muslim yang berilmu, berakhlak mulia, berdisiplin dan mempunyai jati diri yang kukuh.

Rujukan

- [1] Ab. Halim Tamuri, and Mohamad Khairul Azman Ajuhary. "Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim." *Journal of Islamic and Arabic Education* 2, no. 1 (2010): 43–56.
- [2] Abd Halim Tamuri, and Mohd Izham Mohd Hamzah. *Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia), 2010.
- [3] Ahmad, S., Y. Don, W. A. R. K. Wan Abdullah, M. Mohammed Ibrahim, and S. F. Mat Hussain. "Penghayatan Solat dan Pengimarahkan Masjid: Kajian dalam Kalangan Pelajar Universiti Utara Malaysia." In *Proceedings of the International Conference on Social Sciences Research (ICSSR 2014)*, 2014.
- [4] Ahmad Jamburi, W. *Penghayatan Ibadah dalam Kalangan Pelajar Islam: Kajian di Beberapa Buah Sekolah Menengah Kebangsaan di Petaling Jaya, Selangor*. Master's dissertation, Universiti Malaya, 2010.
- [5] Ahmad Sunawari Long. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005.
- [6] Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. *The Concept of Education in Islam: A Framework for an Islamic Philosophy of Education*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), 1992.
- [7] Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Jeddah: Dar al-Minhaj, 2011.
- [8] Al-Qaradawi, Yusuf. *Al-'Ibadah fi al-Islam*. Cairo: Maktabah Wahbah, 1996.
- [9] Azhar Ahmad. *Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah di Sarawak*. PhD diss., Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.
- [10] Bokhari, N. *Penghayatan Solat dalam Membina Peribadi Muslim: Pelajar Sekolah Menengah Agama di Negeri Selangor*. Master's thesis, Universiti Islam Selangor, 2026.
- [11] Chua, Yan Piaw. *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education, 2006.
- [12] Fariza Md Sham, Salahuddin Yusof, and Fadilah Mansor. "Religiosity of Muslim Adolescents from Single-Parent Families Living in Government-Subsidised Settlement." *Global Journal Al-Thaqafah* 5, no. 2 (2015): 31–42.
- [13] Hamzah, H., S. H. N. Abdullah, N. S. Zakaria, and Z. Hassan. "Pembentukan Kepimpinan Diri Melalui Ibadah Solat dalam Kalangan Pelajar." *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education* 8, no. 1 (2024): 176–188. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v8i1.193>.
- [14] Hamsan, H. H., A. A. Ma'rof, A. A. Samah, J. Manap, and M. R. Hamzah. "Faktor Risiko dan Pelindung terhadap Tingkah Laku Antisosial Remaja Bandar dan Luar Bandar di Malaysia." *Akademika* 82, no. 1 (2012): 21–32.
- [15] Kadri, N. M., N. S. Zulkefly, and R. Baharudin. "Structural Relations amongst Religiosity, Self-Control and Externalizing Problems of Juveniles in Malaysia." *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences* 15, suppl. 1 (2019): 68–75.
- [16] Krejcie, Robert V., and Daryle W. Morgan. "Determining Sample Size for Research Activities." *Educational and Psychological Measurement* 30, no. 3 (1970): 607–610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>.
- [17] Mohamad Kamal Sulaiman, and Hafizhah Zulkifli. "Implikasi Solat terhadap Akhlak dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah." *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs* 5, no. 1 (2021): 1–13. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol5no1.91>.
- [18] Mohd Mansor, S. K., S. I. Abd Rahim, and N. H. Zainal. "Kajian Tahap Penghayatan Solat Fardu dan Faktor Pelaksanaannya dalam Kalangan Mahasiswa UiTM Shah Alam." *Journal of Contemporary Islamic Studies* 7, no. 2 (2021): 79–98.
- [19] Noorkharilhuda Ibrahim. "Kajian Tahap Penghayatan Pendidikan Islam dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Swasta di Selangor." *Jurnal Al-Sirat* 16, no. 1 (2021): 73–85. <https://doi.org/10.64398/alsirat.v16i1.60>.
- [20] Nor Hayati Fatmi Talib, Adibah Hasanah Abd Halim, and Bani Hidayat Mohd Shafie. "Tahap Pengetahuan Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Semester 1: Satu Kajian di Politeknik Banting Selangor." *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs* 2, no. 2 (2018): 1–13.
- [21] Osman, A., and S. A. Yahya. "Hubungan antara Penghayatan Agama dengan Kesejahteraan Psikologi dalam Kalangan Pelajar Sekolah Sukan." *Jurnal Maw'izah* 1, no. 1 (2018): 154–165.

- [22] Sarimah Mokhtar, Ab. Halim Tamuri, Kamarulzaman Abdul Ghani, and Mohd Aderi Che Noh. "Kajian Persepsi Penghayatan Akhlak Islam dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Selangor." *Global Journal Al-Thaqafah* 1, no. 1 (2011): 71–77.
- [23] Suhaiella Suhaili, Adibah Husna Ismail, and Norwidayawati Metusin. "Peranan Sekolah dan Pendidik dalam Usaha Meningkatkan Penghayatan Akhlak Pelajar Menurut Perspektif Islam." *Jurnal Pengajian Islam* 18, no. 2 (2025): 41–59.
- [24] Tengku Nursyahzanani Anis Tengku Jamil, and Zawawi Yusoff. "Implikasi Amalan Solat terhadap Akhlak Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Kompleks Mengabang Telipot." *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 25, no. 1 (2024): 25–37. <https://doi.org/10.37231/jimk.2024.25.1.831>.
- [25] Tengku Nursyahzanani Anis Tengku Jamil, and Zawawi Yusoff. "Peranan Ibadah Solat dalam Membentuk Tingkah Laku dan Kepimpinan Diri yang Efektif dalam Kalangan Remaja di Malaysia." *Malaysian Journal of Islamic Studies* 8, no. 2 (2024): 102–120. <https://doi.org/10.37231/mjis.2024.8.2.279>.
- [26] Ulwan, Abdullah Nasih. *Tarbiyat al-Awlad fi al-Islam*. Cairo: Dar al-Salam, 2000.
- [27] Zainol, M. Z., N. Muhamad, and M. N. Mohd Sabri. "Canva AI-Assisted Prayer Learning Approach in Islamic Education Based on the TPACK Model." *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education* 9, no. 2 (2025): 272–284. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v9i2.379>.